



**TEKS UCAPAN VERBATIM**

**YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
PERDANA MENTERI**

**SEMPENA**

**TEMU ANWAR  
DAN PELUNCURAN PEMBINAAN BANGUNAN BAHARU  
UNIVERSITI UCSI**

**28 APRIL 2026 (SELASA) | 10.30 PAGI  
UNIVERSITI UCSI, KAMPUS INDUK, TAMAN CONNAUGHT,  
KUALA LUMPUR**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

*Alhamdulillah rabbil 'alamin*

*Nahmaduhu Wa Nusalli Ala Rasoolihil Kareem,*

*Wa 'ala alihi Wasahbihi Ajma'in.*

**Yang Amat Mulia Tunku Zain Al'abidin Ibni Tuanku Mukhriz,  
Canselor Universiti UCSI;**

**Yang Berhormat Tuan Adam Adli bin Abd Halim,  
Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi;**

**Yang Berbahagia Dato' Peter Ng,  
Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan UCSI;**

**Yang Berbahagia Prof. Emeritus Datuk Ts. Ir. Dr. Siti  
Hamisah binti Tapsir,  
Presiden dan Naib Canselor Universiti UCSI;**

**Keluarga Universiti UCSI, tetamu yang dimuliakan dan  
utamanya anak-anak yang dikasihi sekalian.**

1. Tentunya saya turut berbangga dan menyatakan penghargaan kepada pihak UCSI, Dato' Peter Ng dan keluarga UCSI kerana diberikan kesempatan untuk bersama menyerikan pembinaan bangunan baharu universiti. Tetapi, saudara tahu sebahagian besar datang untuk dengar lagu, sebab itu saya minta tambahan lagu tadi (nada berseloroh).
2. Tahniah kerana prestasi, pengolahan, dan penyampaiannya, nada dan irama itu begitu mengagumkan. Tahniah!. Saya minta Peter Ng bagi beberapa *lesson* untuk saya baiki nyanyi lagu 'Azizah'.
3. Saudara, dalam kenyataan tadi, saudara Dato' Peter Ng, dan selepas itu, Tunku Zain menjelaskan tentang prestasi dan pencapaian universiti yang membanggakan, termasuk QS ASIA University Rankings dan keupayaan meletakkan bukan sahaja nama Malaysia dalam bidang-bidang tertentu, muzik dan persembahan, tetapi di mata dunia.
4. Malaysia sekarang di antara negara yang menjadi tarikan pelajar luar negara. Sehingga kini, sekitar 160,000 pelajar luar negara yang menuntut di universiti-universiti Malaysia, universiti awam dan universiti swasta. Dan merupakan jumlah pelajar asing yang paling ramai ketimbang mana-mana negara ASEAN.

5. Maknanya, kita punyai tanggungjawab. Pertama, untuk memastikan semua universiti awam dan swasta punyai bukan sahaja keupayaan tetapi mutu yang minima untuk melayakkan kedudukan mereka di semua universiti.
6. UCSI sebagai contoh yang baik, kerana sebagai universiti yang dapat meletakkan prestasi yang membanggakan. Saya telah minta Kementerian Pengajian Tinggi memantau supaya mempertahankan mutu universiti. Kalau universiti itu tidak menjurus kepada kecemerlangan, maka univervisiti itu akan menjadi hambar dan menjadi kilang mengeluarkan sijil yang tidak bermutu. Dan ini akan memberi kesan kepada generasi-generasi akan datang. Sebab itu, kita tekankan soal mutu dalam pelbagai bidang.
7. Yang menarik juga tentang universiti ini ialah bahawa negara kini memacu pertumbuhan terutama dalam bidang teknologi baharu, transformasi digital umpamanya, dalam bidang AI, dengan percambahan Data Centres, dengan kekuatan AI di Lembah Klang, Negeri Sembilan, Johor, Pulau Pinang dan Sarawak.
8. Tetapi ini tidak boleh meremeh kepentingan kita untuk mendidik manusia. Dan kalau kita lihat tentang nilai kemanusiaan yang ditekankan dalam kedua-dua ucapan

tadi, maka nilai, etika yang kita rangkul sebagai kekuatan akhlak tidak boleh dikesampingkan. Sebab itu, saya tertarik dengan pendekatan di universiti ini dan di tempat lain, mengikut pendekatan kita, sementara kita “menggapai yang di langit” – *reaching the skies*. Teknologi baharu, *artificial intelligence*, itu seolah-olah yang di langit. “Menggapai yang di langit”.

9. Kita tidak boleh meninggalkan landasan. Dan landasan itu adalah budaya kita. Sahsiah atau keperibadian kita. Nilai, etika atau akhlak kita. Kerana ini menetapkan kita ini unik dan istimewa. Jadi, kita harus mengejar kedua-duanya. Dalam sistem pendidikan kita, sementara kita mengejar sekali lagi teknologi baharu dan sains dan AI, maka soal seni dan budaya, muzik, kesenian, kebudayaan dan pertimbangan penekanan tentang nilai sangat penting.
10. Itulah sebab saya tekankan dalam Negara Madani ini, isu nilai ini menjadi apa yang disebut paksi, atau integral dalam pembangunan. Dia tidak ada umpamanya, *zero sum game* memilih teknologi baharu, meninggalkan budaya, etika dan nilai. Bagaimana kita merangkul keduanya? Dan itu menjadikan ujian yang besar bagi kita.
11. Saudara-saudari, saya sering dalam Temu Anwar, dialog dengan anak-anak mahasiswa, menyingkap pandangan

seorang mantan Dekan Harvard, Universiti Harvard. *Precisely because Harvard University is associated as the leading academic institutions in the world, it's a very pertinent point raised by Miller in his compelling argument not against academic institutions, but economic institutions that choose to ignore the importance of values and humanity.*

12. *He's entitled Excellence without a Soul. Harvard is situated as an institution, a centre of learning, centre of excellence. But he, as a former dean, submitted a devastating critique against what he considers as the flaws in the academic system. Devoid of values, devoid of concern, devoid of humanity. He gave some startling examples. Here is a campus which fully equipped, a state of the art in all fields and disciplines, but outside Boston you have huge issues about colour divide, discrimination against the blacks and the coloured, huge issues about poverty, underprivileged and as of no concern to the professors and the students.*
13. *I'm sure there are some, but certainly not the focus or concerns addressed by the university. He lamented the issue this lack as excellence precisely due to the academic excellence, but without a soul, because it is soulless. You have education not as a centre, of course. Education is a centre to assimilate knowledge, but not to disseminate*

*values or truth. I'm sure this is of course a concern of many of you and I think it is only proper to remind ourselves that whilst we strive for academic excellence, which is very critical to ensure that Malaysia emerges as a strong nation economically but devoid of values will certainly cause and invite harm.*

14. *We still have racism in our campus, in our society and worse in the political system. It's a huge battle now because the appeal to race, colour and religious bigotry is so compelling that even the most educated you have seen, for example the former Yugoslavia, there was racist then the cruelty is not necessarily inflicted by the Ignorant or by the farmers, but the top-notch intellectuals and political leaders and elites.*
  
15. *So, we must ask ourselves whether we are prepared to confront this is of racism in religion bigotry. Malaysia must emerge and mature as a functioning democracy and this could happen if we particularly you in the universities, professors and students work together as a team and realize that the survival of this nation is only when we work together as a team, as a big family.*

16. *Yes, we have differences. I am a Muslim, I have my religious practices but never ignore the fact that you are a human being, you are a Malaysian and that makes you different from those who claim to be only representing one sector, one particular culture and one religious creed ignoring the spirit of humanity.*
  
17. *I used to cite this example, even in the Prophet of Islam Muhammad was asked, why he chose to stand and be respectful when a deceased Jew was brought in his vicinity while addressing his compatriots, where he chose to seemingly be respectful and that particular Jew was formerly not only an enemy but was nasty, tyrannical and abusive. The Prophet's reply was, 'Allahu nafsan', you treat him as a human being. Isn't he a human being who deserve therefore some respect.*
  
18. *Bilal, as you know from Ethiopia was black slave given freedom after embracing Islam, but of course like many of us, I mean I grew up in Penang multiracial society we used to call India this, Chinese this and they call Ahmad this and we take it as, you know, normal but when I expose myself to new scholarship, then I realized that some of our remarks were not healthy and certainly totally unacceptable in Islamic tenet.*

19. *I give an example, Bilal of course is dark with very thick limb and a former slave. So, the companions of the Prophet then referred to him as “oh, you the son of a black woman” and when the Prophet heard, he castigated them in three times in very strong terms don't repeat that disgusting remarks because it displays not only the arrogance but the tendency to relegate other people of other creed and class as inferior. The term used by the Prophet was “Ahlul Bayt”, “Bilal Ahlul Bayt” - he is a member of my family.*
  
20. *You see, we learn and for us, some of us who are Muslims of course we want to be good practising Muslims but without this exposure to what education is all about, what culture is, what justice is we tend to fall to that category abusive of the other. I'm not suggesting this problem only afflict the Malays, I have many Chinese friends who are as racist or Indians as noisy and racist, but we must mature in this process. And I think the university, Peter Ng, Vice Chancellor is the best place. And they need to be reminded. They are beautiful young children. They can absorb; they can change and adjust. That's what education is about.*
  
21. *Saidina Ali used to say education is “lazzatul ma'rifah” - the love for scholarship. But for what? For truth, for justice? How do you then absorb and assimilate knowledge and*

*have no concern for what justice is all about, what humanity is all about? So, this is again the reason why I think in this sort of a dialogue, Temu Anwar, I need to remind ourselves that we have a duty of a task, of course, to ourselves, our family and our nation and humanity.*

22. *Some of us express no concern because Rwanda is a black area. It doesn't affect us in any way. So, we can kill as many people as we like. Well, we express, yes, but does not touch our hearts. Where is the knowledge? Where is the wisdom? You know, T.S. Eliot made a clear distinction between information, knowledge and wisdom. Here in the age of information digital, we call it digital transformation and Al the abundance of information, not all knowledge or useful knowledge and certainly not the category of wisdom.*
23. *In Islamic context is between 'maklumat', 'ilmu' and 'hikbah'. So if, to quote T.S. Eliot, would be information, knowledge and wisdom. So, I please, Peter, great hope in this university, because it has emerged as one of the premier institutions in this country. Congratulations. And as a premier institution, it is not without challenges. And that's again precisely the reason why I need to emphasize the need to ensure that this university emerges as an institution that shows enough of concern for those around us, those underprivileged. They should be of our concern.*

24. *And finally, of course, we are now facing a new economic turbulence. I'm not talking about Negeri Sembilan, I'm talking about the nation. Negeri Sembilan I leave it to Tunku Zain. No, I am joking, I am joking, relax. Doing exceptionally well. One of the highest gross rate in the region, the best performance currency in the Asia, lowest unemployment, highest investment in history, the foreign investment in particular, Alhamdulillah. And we tried to do in our level best, inerridating hard core poor almost successful 90 over percent but poverty is still at large. We have raised minimum income from RM1300 to RM1700 but still unadiquate. We ansured those in technical institution, TVET, given minimum RM2000 going up to RM3000, suddenly Zionist state of Israel, with the support in America, United States of America, they decided to bomb Iran.*
25. *For whatever reason, we cannot condone acts of aggression and atrocities inflicting masses, innocent women and children and lives. I was told by the Prime Minister of Oman and the Foreign Minister. He was in the midst of these negotiations, conducting negotiations between Iranian Foreign minister and United States. They were very successful. I mean, the progress was remarkable. They sealed most of the most contentious issues affecting these two countries. The Iranians gave*

*some categorical assurances on the nuclear capabilities, etc, etc. And he told me himself, Oman that, “can you imagine, Prime Minister Anwar, one hour after this meeting was progressing, we're due to meet the next hour, Tehran was bombed”.*

26. *That's why Malaysia, although we are fiercely independent and neutral and non-aligned. We, because of conscience, of moral conscience, have to stick, make a stand known. We condemn the atrocities, the aggression and what is concerning is affecting the whole world. From the Strait of Hormuz and now it's not an issue of spiraling prices, but inadequate supply. Our concerns daily I'm rushing back just to meet the team to make sure that we have enough supply. Yes Petroleum, no to diesel. Yes. Urea, fertilizer, no. Phosphates, which is required by our industry, our plantations. So, we have to grapple with this problem. It's very difficult to get people to appreciate this. Where there's a storm, this is a stark reality.*

27. *We are fortunate again because our independent stance. We are one of the few, probably two, three countries. The first few countries they were given clearance through the the Strait of Hormuz. There were ships. The first major tanker arrived in Pengerang last week. Because of the good contact we had with the President of Iran, he gave me an*

*assurance. He said after the call, he said, "Prime Minister Anwar, I will instruct immediately the clearance". So, a few have passed. Now the blockade continues with the United States and Iran and not only the Gulf, the Middle east, the world and the region and more importantly the people. Ordinary men and women would continue to have to endure this new hardship. It is very saddening. It's very tough.*

28. *And again, coming back to the early issue about excellence and the soul. If you have conscience and you work with the soul, then you can feel the pain of on the farmer, worker in this country and I believe many parts of the region we are again fortunate. We don't need yet to line up at the petrol kiosk. We still have adequate supply. RON95 is still one of the lowest in the world, probably the lowest, excepting for Brunei, 199 but people complain that they have for those who using diesel. We have given enough subsidy for diesel not complete, not adequate. But that is. I mean, I express to you because young students, these are issues that you have to also understand and probably help give some ideas how to solve this problem.*

29. *So, thank you again Peter Ng and the Vice Chancellor and the team, for the magnificent morning and the great songs. And I think to continue a bit for this tradition of Temu Anwar. You know, I started this after I became Prime Minister to go*

*back to university. Then others giving lectures. I said, okay with short speech and then respond to questions from the floor. Some are easy, some are tough, some are very difficult. I asked a Vice Chancellor to reply. So, we have a few minutes for questions from students. You're welcome. I'll just cut short the formalities. Just ask anything. On Negeri Sembilan, ask Tunku Zain tu reply.*

## **SESI TEMU ANWAR**

### **SOALAN 1 – ALIA**

Apakah yang mendorong YAB Dato' Seri melangkah setiap hari sedangkan tidak semua pihak menghargai apa yang dilakukan? Kerana saya fikir ia bukan sesuatu perkara yang mudah untuk dihadapi oleh Dato' Seri.

### **JAWAPAN YAB PERDANA MENTERI**

Terima kasih. Semasa saya di sekolah, ada guru namanya Krishna Iyer. Guru sejarah, dia selalu ingat dan saya ingat betul pesan dia. Dia kata, "*students from the heart, dictates of the heart.*" *It's interesting, "dictates of the heart"* ada kaitan dengan istilah yang pernah disebut oleh, kalau belajar sains sosial mungkin tahu, Alexis de Tocqueville. De Tocqueville itu salah seorang pemikir ulung Perancis yang menulis mengenai Amerika Syarikat. Buku dia, *Democracy in America*. Ini setelah revolusi Amerika awal dulu. Dia sebut "*Habits of the Heart.*" Menarik.

Dia kata, demokrasi awal di Amerika itu berhasil kerana "*Habits of the Heart.*" Maknanya, ketukan hati nurani yang murni yang membolehkan masyarakat itu demokrasi dan menghormati, tidak semua, tapi maknanya dia sebut hal yang sedemikian.

Jadi, guru saya, Krishna Iyer ini menyebut, dia kata, "*if you believe in this, make sure that you have adequate knowledge to grasp.*" Maknanya, mesti ada ilmu yang mencukupi untuk memahami, kemudian ketuk pintu hati, dan kalau kita percaya dan yakin itu yang sebaiknya, maka buatlah yang sebaiknya. "*Try and do your best and leave the rest*". Itu nasihatnya yang saya ingat ada kaitan di sini.

Kita yakin, saya yakin Malaysia ini negara hebat. Saya yakin negara ini, seperti mana teori Abdul Rahman Ibn Khaldun, tadi saya sebut, Alexis de Tocqueville yang *social scientist* harus tahu, ya. Maknanya, negara itu terasas kalau pimpinannya, masyarakatnya, elit dia itu ada *conscience, habits of the heart* yang baik. Guru saya kata, "*dictate,*" maknanya ketukan hati nurani.

Tapi yang saya nak tekankan di sini ialah keperluan kita sebagai prasyarat menimba ilmu dan mendidik diri sebagai manusia yang nilai manusiawi atau insaniah. Dan kalau itu ada, kita lakukanlah yang sebaiknya. Saya tidak mengatakan saya contoh

yang terbaik, cuma saya hanya ingin menjawab soalan anakanda bahawa yang mendorong inilah keyakinan. Saya yakin Malaysia mampu jadi negara hebat, dan saya tahu kalau dibiarkan negara ini dirompak, meluas rasuah, banyak penyelewengan, pimpinan yang angkuh dan takbur, negara mungkin runtuh dan rosak.

Ini yang saya sebut tadi, teori Ibni Khaldun: negara boleh muncul hebat kerana *Esprit de corps*, kerana *assabiyah* yang positif; negara boleh hancur kerana rasuah, penyelewengan, dan keangkuhan.

Kepada anakanda, saya hendak sebut di sini bahawa kita harus didorong oleh yang murni, dan saya yakin masa depan negara, dengan semangat yang saya lihat kepada anak-anak, akan jauh lebih baik.

Dan ini kaitannya dengan ilmu sains sosial, sebab tertarik tadi Peter Ng sebut. Kita semua bicara sekarang soal *digital technology, artificial intelligence, engineering, mathematic, it's all important*. Tan Sri, *I'm not ignoring the importance of this subject, including medicine*, tetapiimbangan dengan sains sosial itu sangat penting kerana sains sosial itu mendidik kita untuk lebih faham dan kenal kemanusiaan.

Sahabat saya, Tengku Azman, dia kurang setuju pada bidang, dia rasa kita harus fokus banyak dalam sains. Saya setuju, saya tidak pertikai itu, tapi saya kata harus diimbangi dengan ilmu kemanusiaan. Terima kasih.

## **SOALAN 2 - AMAR NAZAR**

*Assalamualaikum dan selamat sejahtera Dato' Seri. My name is Amar Nazar, I'm a mechatronics engineering student from Sudan and my question for you is not popular amongst the youth, but Indonesia and Australia have already imposed age restriction rules on youth under the age of 16 and it's been reported that Malaysia will implement similar moves earlier this year or later this year. So, my question for Dato' Seri is what are your thoughts on the matter?*

## **YAB PERDANA MENTERI MENCELAH**

What's your view?

## **SAMBUNGAN SOALAN AMAR NAZAR**

*Well, I'm an elder brother for two sisters, and I'm kind of concerned on what they see on TikTok, Instagram and the social media in general. So, I would like it to be toned down just a bit to at least save them I guess, so they are able to grow better.*

## **JAWAPAN YAB PERDANA MENTERI**

*I agree with you. I have to add only one point that but finally, the firewalls within ourselves and the family. I mean, these rules can be enacted and introduced by the authorities in the government. the real firewalls must be the family, parents, senior members, brothers and sisters must educate them.*

*That is again, why we stress the importance of values, ethics because without morality, values and ethics, then we fall prey to this. We can have enough rules and laws, but we have to give the right education, the right message. It's not necessarily purely religious in a narrow sense by broadening it into the issues of morality, ethical and values. Thank you.*

### **SOALAN 3 - ALIA**

Assalamualaikum dan salam sejahtera Dato' Seri. Nama saya Alia binti Nur Azaman dan sekarang saya seorang pelajar UCSI University dan mengambil *course Finance*.

Soalan saya ringkas sahaja. Dato' Seri telah lebih 50 tahun dalam dunia politik dan banyak mencorakkan perjalanan negara serta imaginasi rakyat Malaysia. Bagaimanakah Dato' Seri mahu dikenang oleh generasi yang akan datang sebagai seorang negarawan? Itu sahaja terima kasih.

## **JAWAPAN YAB PERDANA MENTERI**

Bila dia kata nampak kata dah berkecimpung selama 50 tahun ni, nampak macam tua benar. Saya selalu nyanyi kat Izzah. Dia, Azizah selalu ingatkan saya, kata dia. Semalam saya sebut kepada Tuanku Muhriz, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, saya bergurau saya kata, bila kita banding umur kita, saya kata, *Your Highness age is mind over matter, you don't mind it does not matter*. Itu gurau, gurau.

*But, anyway* saya tidak mahu tergolong, saya bukan sepsis itu contoh, cuma saya lalui hidup yang agak sukar. Kalau hampir 11 tahun masuk keluar penjara, kena dera dan pukul agak teruk dan bukan saya sahaja sengsara, tapi Azizah, anak-anak dan keluarga dan rakan-rakan. Tapi saya anggap itu semua ujian dari Allah SWT. Sekarang saya sihat, saya ada kedudukan dan kuasa. Maka saya harus lakukan sebaik mungkin untuk negara, untuk rakyat. Itu yang mendorong saya.

Dan saya juga faham dalam dunia demokrasi, dalam dunia media sosial, pelbagai karenah orang bicara, sebahagiannya tahu, sebahagiannya tidak tahu, sebahagiannya diupah sebahagiannya marah. Jadi susah. Sebab itu, saya kata jawapan sebenar adalah pendidikan. Mesti ada nilai akhlak, tak

boleh zalim, tak boleh fitnah orang, tak boleh hina satu sama lain. Mana mungkin negara ini.

Kita kata kita, saya kata saya, saya orang Muslim. Tapi menghina orang termasuk soal makan babi umpamanya. Di mana ajaran agama kita yang menghina orang kena makan babi? Orang bukan Islam boleh makan babi. Saya tak makan dan kalau boleh janganlah makan tepi saya. Saya ingat *reasonable*, tetapi dia dah jadi budaya dan ditulis seolah-olah negara ini, saya masih ingat lagi masa Selangor isu babi ketika itu, dihebahkan seolah-olah negeri ini dah negeri babi. Penuh keliling tengok belakang itu ada babi, kan penyakit tu.

Padahal kita tahu tidak benar. Tapi tidak ada *conscience*, tidak ada *courage*. Sebab itu saya kata dalam hidup ini, anakanda ya ada apa yang diistilahkan sebagai *courage of conviction*. Mesti yakin dan ada keberanian. Bukan untuk perang, bukan untuk pukul orang, tapi menyuarakan dengan baik, menjawab dengan baik. Guna sosial media, katakan ini tak betul.

Keliling rumah saya, saya ingat dalam seminggu ini, saya tak pernah nampak kedai babi, saya tak pernah nampak orang makan babi, saya tak ternampak. Kerana saya tak pergi ke kandang babi. Jadi, tapi kalau baca, seolah-olah di mana-mana kiri, belakang tu ada babi. Jadi, ini masalah. Dan bila kita cuba

pertahankan sedikit, ada media sosial kata, Perdana Menteri babi, perangai macam babi, kahwin dengan isteri yang baik dengan babi.

Ya, dan ini diterima. Dan bila polis ambil siasatan, dia kata ini kejam. Saudara, ini bukan kebebasan. Apa kebebasan menghina orang begitu rupa? Tidak boleh. Kita manusia, di mana akhlak kita, di mana moral kita, di mana prinsip kita? Jadi, untuk menjawab ini maknanya, kita kena bina kekuatan dalaman. Ada hukum ada peraturan.

Kalau orang mahu kritik Anwar dalam menangani masalah ini tidak pandai, tidak cukup pengetahuan tentang ekonomi, dia melakukan kesilapan dalam dasar. Saya itu tak ada masalah. Itu hak dia untuk berbeza pendapat. Tapi kata, dia ada akaun di Israel, RM15 bilion. Tentu harus disiasat kerana fitnah begini tidak harus diizinkan.

Jadi sebab itu saya menyatakan, *courage of conviction* tapi ada juga apa yang dikatakan *tenacity of purpose*. Untuk apa kita hidup? Untuk apa kita bekerja? Untuk apa kita belajar? Kalau saya tanya, mengapa nak belajar? Saya nak jadi pandai. Itu sahaja. Saya nak dapat kerja baik. Itu sahaja. Kamu ini manusia apa ini? Betul. Nak jadi baik, nak jadi pandai, nak boleh pendapatan yang baik banyak. Tetapi untuk menjadi manusia

yang baik. Sebab itu kalau tanya apa tema dalam pendidikan kita? *Addabani rabbi fa-ahsana ta'dibi*. Itu maknanya *inculcation of adab and values*. Itu hadis. Itu *education* untuk menjadi manusia yang baik. Okey?

Terima kasih.

#### **SOALAN 4 - MAHMOUD**

Assalamualaikum Dato' Seri. My name is Mahmoud. I'm studying Foundation in Science. So, my question is, since the Category 3, Employment Pass that has gone to 5,000 Ringgit in June, a lot of fresh graduates, international fresh graduates find themselves outpriced from the entry-level market. Is there a plan to introduce something like a Graduate Transition Pass to allow us to work on a much lower fee, maybe for the first two years in order to gain local experience?

#### **JAWAPAN YAB PERDANA MENTERI**

*I have to check on this, the Prime Minister does not know everything. That's some humility. Because sometimes I hear some of these lectures by other religious scholars or anybody. You ask any question, they give all the answers. Now, to be honest with you, I am not totally familiar with this. I understand that there are some disciplines where we do allow them to work. I'm not sure what is the minimum allowance. I will check and if*

*you give me address through your Vice Chancellor, I'll make sure that there will be a response maximum one week.*

*You pay just 10 Ringgit, VC tolong ingat ya, Adam ya ingatkan jawab je nanti tak tunaikan pula.*

### **SOALAN 5 – ANDI MUHAMMAD**

Assalamualaikum Dato' Seri, nama saya Andi Muhammad Asyraf Badrulsi dan saya berasal dari Sabah. Saya belajar bawah tajaan Majlis Amanah Rakyat dan saya juga salah satu ahli Badan Wakil Pelajar untuk UCSI University. Soalan saya sangat mudah Dato' Seri.

Maafkan saya Dato' Seri. YAB Dato' Sri, dan juga YB Adam Adli, juga tidak asing dalam medan *student activism*. So dulu, YAB Dato' Seri harus turun padang kalau ingin memperjuangkan satu isu yang tentang hak-hak mahasiswa. Tapi sekarang, arus perdana, medan *student activism* telah berubah. Sekarang lebih banyak mahasiswa memperjuangkan isu secara maya, *virtual*, sama ada di media sosial, forum ataupun TikTok.

Jadi soalan saya, Dato' Seri, apakah pandangan Dato' Seri tentang perubahan ini, dan apakah cara yang paling efektif agar idea-idea yang disalurkan daripada mahasiswa ini sampai dan mampu diimplementasikan? Terima kasih.

## **JAWAPAN YAB PERDANA MENTERI:**

Terima kasih. Soalan berat tu. Ini dia tidak menghalang anak-anak buat perimpunan, kumpulan. Termasuk bukan, apa ni, ini Temu Anwar, sekarang dia buat Turun Anwar. Sekejap lagi saya turun tangga, sekejap lagi, sekejap lagi. Tapi, tak ada tindakan. Maknanya, kalau nak kritik, boleh. Dan isu yang dibangkitkan, sebahagiannya kalau dapat liputan, kita jawab. Macam tadi, secara tidak langsung saya jawab beberapa persoalan.

Tapi, *student activism* tentunya berubah mengikut peredaran masa. Dan dalam hal ini, umpamanya saudara lihat, kalau ada pandangan, kalau saudara ada dalam badan mahasiswa, boleh. Atau rencana, sama ada menulis dan menemui surat Adam Adli. Ya. Kalau nak jumpa, dalam dua minggu, *organise*. Vice-Chancellor, wakil student UCSI jumpa. Wakil UCSI akan menemui Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi dalam tempoh dua minggu. Soalan yang susah-susah, bagi dekat dia.

## **SOALAN 6 – TASHINDA JERAJ**

Salam sejahtera Dato' Seri. Terima kasih atas peluang ini. Nama saya Tashinda Jeraj dan saya sedang mengikuti pelajaran A-Levels di UCSI College di bawah *The Petronas Education Sponsorship Program*. Dato' Seri, Malaysia telah

memperuntukkan RM2 bilion untuk pembangunan *Sovereign AI Cloud*.

Soalan saya Dato' Sri, adalah sebagai pemilik startup, setakat manakah pelaburan ini betul-betul memanfaatkan perusahaan kecil sederhana, startup dan juga pembangun tempatan dan bukan sekadar menolong syarikat teknologi global yang sudah kukuh dominasi mereka. Apakah visi jangka panjang Malaysia untuk memastikan bahawa Malaysia bukan sahaja pengguna malah peneraju dan pencipta AI di rantau ini. Terima kasih Dato' Seri.

#### **JAWAPAN YAB PERDANA MENTERI:**

Wah hebat ini baru pelajar A Level pun dah jawab soalan yang hebat ini. Baguslah mutu pelajar ini. Baik, kita telah putuskan untuk ada *AI Sovereign Cloud*. Apa maksud *Sovereign Cloud*? Data itu terbatas di negara, tetapi Malaysia ini ada dasar terbuka, *open system*. Makna kalau Google, Microsoft, AWS yang baru jumpa dia nak extend kegiatan dia, dia nak buat cloud dia sendiri, kita tidak halang. Kita tidak haling. Tetapi soal keselamatan dan soal *personal privacy* itu kita kawal dalam benda yang dikatakan *sovereign cloud*.

*Sovereign cloud* maknanya yang dikepong dan dengan sempadan tidak boleh keluar daripada negara, umpamanya rahsia ketenteraan atau *intelligence* itu dikepong di situ.

Tapi itu kecil. Saya nak jelaskan ada kekeliruan. *Sovereign Cloud* ini tidak bermakna kita mengawal semua akses data yang lain, dan kita malah memberi kebenaran kepada semua. Di Kulim Hi-tech memang ada sendiri, dia ada data center dan kemudian dia ada ruang yang lebih terbuka. NVIDIA di Johor begitu juga. Di antara pelaburan yang paling besar ialah Infineon dari Germany.

Semua itu diberi ruang *Sovereign Cloud* itu sekali lagi saya tegaskan terbatas dalam isu-isu yang kita anggap di bawah skop keselamatan negara. Masalahnya mengapa kita begitu? Kerana Amerika di bawah Presiden Trump telah perkenalkan apa yang disebut Cloud Act.

Cloud Act itu memberi ruang kepada Amerika, mengarahkan semua syarikat dia yang melabur, masuk dan berikan maklumat. Maknanya dia boleh arah Intel Malaysia, itu kalau ikut undang-undangnya, saya tidak fikir undang-undang itu wajar, tapi Presiden Trump, nak *argue* dengan dia macam mana?

Jadi oleh itu, untuk menyelamatkan negara kita, kita kena ada sovereign cloud. *Now*, itu faktanya.

Yang keduanya ialah melatih kekuatan tempatan, ini soal *talent pool*, ini satu masalah yang besar. Bila Infineon datang dengan pelaburan RM25 bilion di Kulim Hi-Tech, rupanya dan beberapa tempat lain, dia lihat kelompok lulusan kejuruteraan kita dan dia rasa ada ruang untuk ditingkatkan dan oleh itu, kita bekerja dengan USM untuk ada sinergi beberapa bidang kursus yang lain. Begitu juga semua universiti kita galakkan begitu dengan semua syarikat yang lain.

Maknanya kita akui, latihan atau talent itu sangat penting dan anak-anak yang terlatih sekarang ini diberi ruang bekerja dengan sektor swasta. Saya nak *qualify* kerana saya ada pandangan agak kuat dalam hal ini. *Strong views* mengenai pendidikan itu memenuhi keperluan industri pun bahaya juga, pendidikan itu bukan untuk utilitarianism.

Utilitarian ini maknanya belajar untuk memenuhi keperluan industry, jadi pemikiran kita itu sahaja. *Education* itu mesti lebih menyeluruh *not utilitarianism*. Jadi kalau saudara kata, yang pertama *talent core*. Petronas sekarang banyak menumpukan perhatian dalam bidang bukan sahaja industri minyak dan gas,

tetapi juga *chemical, rare earth* yang memenuhi keperluan baru kita.

Jadi begitu juga dalam bidang IT dan AI, kita dah mula dengan fakulti di UTM, dan sekarang semua universiti diminta ada unit atau jabatan atau fakulti AI. Itu untuk memenuhi keperluan kita, supaya kita jangan hanya jadi pengguna, tetapi seperti mana saudara sebut peneraju yang lebih mahir.

Semalam saya dengan Huawei, saya bagi syarat pelaburan mereka mesti diwajibkan sepertimana dengan pelaburan syarikat-syarikat IT yang lain, mesti diwajibkan menyediakan peluang latihan, pendedahan, peringkat tinggi yang kita buat penilaian, kalau dibuat latihan sekadarnya, kita tidak akan terima. Mesti ada yang memberikan *this niche, the edge*, melebihi sistem yang ada.

Anak-anak dikasih sekalian, terima kasih banyak. *Thank you Peter Ng, Naib Canselor, is a great session and it's a great institution. We depend on you, you are great and I think you will be able to chart effectively the future of Malaysia.*  
Assalamualaikum.